



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

PROGRAM INFAQ RAMADHAN PENYERAHAN SUMBANGAN RAMADHAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cawangan Miri dengan kerjasama persatuan Islam Cawangan Miri telah mengadakan Program Infaq Ramadhan iaitu penyerahan sumbangan Ramadhan kepada golongan asnaf di sekitar Miri. Lokasi yang dipilih antaranya adalah Tudan, Senadin, Kampung Wireless, Kampung Haji Wahed, Lutong, Pujut, Piasau dan juga Bakam. Program Infaq Ramadhan ini telah dijalankan bermula pada 9.30 pagi sehingga 3.30 petang.

Seramai 50 buah keluarga telah menerima bantuan sumbangan Ramadhan ini dan telah diagihkan oleh beberapa kumpulan yang bertugas. Sumbangan Ramadhan ini termasuklah makanan asasi berbentuk beras, gula, minyak masak, tepung, telur, roti, garam, dan beberapa lagi keperluan harian. Sumbangan ini adalah hasil kutipan bersama kakitangan LHDNM, Cawangan Miri.

Terdapat 6 pasukan yang ditubuhkan yang terdiri daripada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cawangan Miri bagi membuat penyerahan infaq Ramadhan di sekitar Miri. Tujuan program ini adalah salah satu inisiatif bagi menghulurkan sedikit sumbangan kepada golongan yang memerlukan dan juga memberi ruang kepada kakitangan LHDNM untuk turut serta membantu masyarakat setempat. Bantuan yang dihulurkan boleh sedikit sebanyak meringankan beban keluarga sempena Ramadhan ini dan menjelang Syawal kelak.



Gambar 1 : Dua dari kiri ,En. Hazizi Bin Haron, Pengarah LHDNM Cawangan Miri memberikan sumbangan bagi Program Infaq Ramadhan pada 7 jun 2018 di kawasan Pujut.



Gambar 2 : Salah satu kumpulan untuk Program Infaq Ramadhan sempat berbual bertanyakan tentang kesihatan penerima sumbangan tersebut di kawasan Kampung Wireless.



Gambar 3 : Penerima sumbangan ramadhan di kawasan Tudan.



Gambar 4 : Pasukan Program Infaq Ramadhan yang terdiri daripada kakitangan LHDNM Cawangan Miri.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 | 📠 : 03-8313 7801
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 7 Jun 2018